

# UNIT TAR & NIKOTINA MAKMAL KESIHATAN AWAM KEBANGSAAN

## FUNGSI

Sokongan makmal untuk surveilan kandungan tar & nikotina di dalam rokok di bawah Peraturan Kawalan Tembakau 2004, Akta Makanan 1983.


### Apakah itu tar & nikotina

#### Tar

- Terdiri daripada berbagai jenis sebatian kimia yang kebanyakannya boleh menyebabkan kanser (karsinogen).
- Ia termasuklah formaldehida, arsenik, sianida, benzopyrena, benzena, toluena dll.

#### Nikotina

- Cecair tanpa warna yang bertukar menjadi perang apabila dibakar dan mengeluarkan bau apabila terdedah kepada udara
- Bahan yang menyebabkan ketagihan seperti heroin dan kokain.
- Ia terdapat di dalam cecair daun tembakau.



#### Karbon monoksida

- Gas beracun seperti yang terdapat di dalam asap kenderaan



## PERKHIDMATAN ANALISIS YANG DITAWARKAN

#### Parameter:

- *Kandungan Tar*
- *Kandungan Nikotina*
- *Kandungan Air*
- *'Total Particulate Matter'*



## KESAN KE ATAS KESIHATAN

Tar boleh menyebabkan kanser paru-paru. Terdapat juga kandungan kimia (mutagen) yang boleh menyebabkan perubahan genetik pada sel.



Nikotina menyebabkan ketagihan yang kuat, diikuti dengan kebimbangan, kelaparan, ketidakheratan dan kurang daya tumpuan.

Karbon Monoksida melekatkan dirinya kepada haemoglobin dalam darah lebih cepat daripada Oksigen, dengan itu mengurangkan kebolehan darah untuk membawa Oksigen.

